

GARIS PANDUAN**TATACARA PENGURUSAN PENYALURAN DAN PENGGUNAAN
PERUNTUKAN KEPADA KEMENTERIAN, KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI BAGI PENYERTAAN MALAYSIA DI EKSPLO 2025 OSAKA**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pengurusan penyaluran dan penggunaan peruntukan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang telah dikenal pasti oleh Sekretariat Malaysia Ekspo Dunia 2025 Osaka (Sekretariat) bagi urusan kewangan dan perolehan yang berkaitan dengan penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka.
- 1.2 Ketua Setiausaha MITI selaku Pegawai Pegawal hendaklah memastikan agar Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang telah dikenal pasti menerima pakai garis panduan ini agar kelancaran, ketelusan, kecekapan pengurusan dan tatacara pengendalian kewangan bagi peruntukan yang disalurkan seiring dengan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Peraturan-Peraturan Kewangan semasa yang berkuatkuasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Februari 2022 telah memutuskan supaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menyelaraskan penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka yang akan berlangsung di Pulau Yumeshima, sebuah pulau buatan manusia di Osaka, Kansai, Jepun pada 13 April 2025 hingga 13 Oktober 2025.
- 2.2 MITI selaku Sekretariat telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, menyelaraskan dan mengurus penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bagi Penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka Bil. 1/2022 pada 12 September 2022, sejumlah peruntukan akan disalurkan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang telah dikenal pasti untuk menampung perbelanjaan yang diperlukan bagi penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Untuk memastikan peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang telah dikenal pasti mematuhi Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Peraturan-Peraturan Kewangan semasa

yang berkuatkuasa bagi menjamin akauntabiliti dalam pengurusan kewangan awam.

3.2 Untuk memastikan peruntukan yang disalurkan hanya digunakan hanya bagi urusan kewangan dan perolehan yang berkaitan dengan penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka sahaja.

3.3 Meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti melalui penekanan ke atas tadbir urus yang baik (*good governance*) yang menyumbang ke arah kejayaan dan pencapaian keberhasilan yang didasarkan oleh Kerajaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka.

4. PENGURUSAN DAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN

4.1 Tanggungjawab Ketua Setiausaha Kementerian / Setiausaha Kerajaan Negeri / Ketua Pengarah / Ketua Agensi / Jabatan

- Memantau dan mengawal selia semua prosedur dan pengurusan kewangan dan perolehan agar sentiasa mematuhi semua Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Peraturan-Peraturan Kewangan semasa yang berkuatkuasa.
- Memastikan bahawa setiap peruntukan yang dimohon oleh Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat telah melalui sesi semakan bajet (*budget screening*) bersama Sekretariat.
- Memastikan bahawa setiap peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Ketua Setiausaha MITI dan Kementerian Kewangan.
- Memastikan bahawa setiap peruntukan yang disalurkan dirancang dan digunakan secara berhemah dan berkesan untuk membawa pulangan yang optimum kepada Kerajaan Malaysia.
- Memastikan tiada ketirisan kewangan berlaku dan sebarang salah laku hendaklah dilaporkan kepada pihak berkuasa dengan segera.

4.2 Penggunaan Peruntukan

- Peruntukan yang disalurkan hendaklah digunakan hanya bagi tujuan pembayaran bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja atau program-program khusus yang telah dikenal pasti oleh Sekretariat.

- Setiap peruntukan yang dimohon oleh Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat telah melalui sesi semakan bajet (*budget screening*) bersama Sekretariat.
- Setiap pembayaran bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja atau program-program khusus berkaitan penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka hendaklah disemak dan disahkan oleh Sekretariat.
- Memastikan bahawa semua pembayaran kepada pihak-pihak yang berkaitan disokong dengan maklumat yang tepat dan dokumen-dokumen yang lengkap.
- Memastikan setiap proses bayaran yang berkaitan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk mengelakkan sebarang implikasi kewangan tambahan dan perundangan kepada MITI serta Kerajaan Malaysia.
- Mengemukakan sebarang cadangan berkaitan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan yang bersesuaian (sekiranya ada) untuk pertimbangan Sekretariat.

4.3 Pelaporan

- Semua maklumat dan dokumen-dokumen sokongan berkaitan pembayaran seperti resit, invois dan baucar bayaran hendaklah disimpan oleh Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat serta disalin kepada Sekretariat bagi tujuan rekod dan pemantauan.
- Satu laporan akhir status penggunaan peruntukan hendaklah disediakan oleh Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat serta diserahkan kepada Sekretariat dalam tempoh satu (1) bulan setelah kesemua bayaran bagi berkaitan penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka selesai dilaksanakan.

5. **SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

- 5.1 Cadangan peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat.
- 5.2 Minit Ceraian kelulusan penyaluran peruntukan dari Ketua Setiausaha MITI.
- 5.3 Surat kelulusan penyaluran peruntukan dari Kementerian Kewangan.

- 5.4 Borang Penyaluran Peruntukan kepada Kementerian / Kerajaan Negeri / Agensi.
- 5.5 Surat Setuju Terima (sekiranya perlu) dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.
- 5.6 Vot dan laporan perbelanjaan bulanan yang merangkumi perincian perbelanjaan.
- 5.7 Salinan baucar bayaran bersama beserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.

6. PENUTUP

- 6.1 Garis panduan ini terpakai kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat sehingga semua bayaran berkaitan penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka selesai dilaksanakan.
- 6.2 Sebarang urusan kewangan dan perolehan yang tidak terkandung di dalam Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada Sekretariat dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Penajaan Ekspo 2025 Osaka untuk mendapatkan panduan dan keputusan yang berkaitan.

CARTA ALIR

TATACARA PENGURUSAN PENYALURAN DAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN KEPADA KEMENTERIAN, KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI YANG TERLIBAT BAGI PENYERTAAN MALAYSIA DI EKSPLO 2025 OSAKA

MULA



Sekretariat menerima cadangan peruntukan daripada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat



Sekretariat melaksanakan sesi semakan bajet (*budget screening*) bersama Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat



Sekretariat mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal bagi penyaluran peruntukan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat



MITI mengemukakan permohonan kelulusan khas bagi penyaluran peruntukan kepada Kementerian Kewangan



Penerimaan maklum balas daripada Kementerian Kewangan mengenai permohonan MITI



Sekretariat menyediakan surat pemakluman kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat mengenai penyaluran peruntukan



Sekretariat menyemak keperluan penyediaan Surat Setuju Terima (SST)



MITI akan menyalurkan peruntukan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat



Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat menerima peruntukan yang disalurkan



Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat melaksanakan pembayaran dan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja atau program-program khusus yang telah dikenal pasti oleh Sekretariat



Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi yang terlibat mengemukakan laporan akhir status penggunaan peruntukan dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan kepada Sekretariat



Sekretariat menerima dan merekod laporan akhir status penggunaan peruntukan dan dokumen-dokumen sokongan tersebut di dalam fail



TAMAT